

Published: 28.4.2022

Accepted: 7.1.2022

Received: 29.10.2021

KEHIDUPAN WAJAR DAN PERBAHASANNYA DALAM ISLAM: SATU KAJIAN AWAL

***DECENT LIVING AND ITS DISCUSSIONS IN ISLAM: A
PRELIMINARY STUDY***

Nur Syahidah binti Abdul Jalil

Pegawai Penyelidik Kanan, Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Malaysia
nursyahidah@ikim.gov.my

Muhammad Hisyam bin Mohamad (PhD)*

***Corresponding Author**, Fellow, Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Malaysia
hisyam@ikim.gov.my

Wan Roslili binti Majid

Fellow, Pusat Kajian Syariah, Undang-undang dan Politik, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Malaysia
wanros@ikim.gov.my

Abstrak

Manusia memerlukan pelbagai keperluan bagi membolehkannya menjalani satu kehidupan yang selesa di dunia ini. Dalam hal ini, unsur-unsur yang diperlukan oleh orang Islam adalah berbeza dengan unsur-unsur keperluan lazim kerana pandangan Islam tentang kehidupan merangkumi kehidupan duniawi dan ukhrawi. Di sini, unsur gaji bukan penentu mutlak kepada satu kehidupan wajar dari perspektif Islam. Berdasarkan kepada analisis kandungan ke atas lima buah literatur utama dan pandangan tambahan daripada tiga orang pakar yang ditemui bual, kajian ini mencadangkan enam unsur yang perlu ada bagi membolehkan seseorang Muslim itu menjalani satu kehidupan yang wajar di dunia ini iaitu pendapatan, perlindungan, institusi keluarga, ruang interaksi, rangkuman kewangan; dan pengisian kerohanian dan rekreasi. Kajian ini tidak mencadangkan nilai kuantitatif kepada unsur-unsur yang dicadangkan. Justeru, sekiranya ada nilai kuantitatif sebagai penanda aras indikatif kepada standard kehidupan wajar secara keseluruhannya, sudah pasti ini akan membuka lebih banyak ruang penyelidikan untuk meningkatkan taraf kehidupan manusia.

Kata Kunci: Gaji, kehidupan wajar, kemiskinan, zakat.

Abstract

In general, human beings require various needs that could enable them to lead a comfortable life in this world. In this regard, the needs of Muslims are different from those of the common ones as the Islamic worldview of life encompasses the worldly as well as the hereafter. As such, the element of income is not an absolute determinant of a decent life from an Islamic perspective. Based on the content analysis of documents published by five competent authorities and additional views of three experts interviewed, this study suggests six elements to enable a Muslim individual to live a decent life in this world, namely income, protection, family institutions, interaction space, financial inclusion; and spiritual capacity and recreation. This study, however, does not suggest a quantitative value to the proposed elements. Thus, if there was a quantitative value that could serve as an indicative benchmark for a decent standard of living as a whole, it certainly could create more space for research to improve the standard of living of human beings.

Keywords: Income, decent life, poverty, zakat.

PENDAHULUAN

Menurut Imam al-Ghazali, kehidupan merupakan perjalanan (Ahmad, 2019) dan dunia ini merupakan tempat persinggahan. Ia merupakan tempat bagi manusia menjalani satu kehidupan sementara bagi membolehkannya mempersiapkan amalan untuk di bawa ke akhirat (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2016):

مَنْ كَانَ يُرِيدُ حَرْثَ الْآخِرَةِ نَزَدَ لَهُ فِي حَرْثِهِ وَمَنْ كَانَ يُرِيدُ حَرْثَ الدُّنْيَا نُؤْتِهِ مِنْهَا وَمَا لَهُ فِي الْآخِرَةِ مِنْ نَصِيبٍ

Maksudnya: “Sesiapa yang menghendaki (dengan amal usahanya) mendapat faedah di akhirat, Kami Akan memberinya mendapat tambahan pada faedah yang dikehendakinya; dan sesiapa yang menghendaki (dengan amal usahanya) kebaikan di dunia semata-mata, Kami beri kepadanya dari kebaikan dunia itu (sekadar yang Kami tentukan), dan ia tidak akan beroleh sesuatu bahagian pun di akhirat kelak.” (Al-Syura: 20).

Dalam hal ini, cara dan kualiti kehidupan manusia di dunia menjadi antara faktor yang boleh menentukan bentuk kehidupan abadinya di akhirat kelak. Secara lazimnya, selain daripada keperluan asas (*dharuriyyat*), manusia juga memerlukan unsur-unsur sokongan sama ada yang bersifat *hajiyah* atau *tabsinyyah*. Hal ini membolehkan mereka menjalani kehidupan yang dianggap wajar dan bersesuaian dengan maruah atau nilai kemanusiaan. Perkara ini penting kerana dalam Islam, konsep kehidupan melibatkan hubungan manusia dengan Allah SWT, antara sesama manusia dan juga manusia dengan alam sekitar. Tanpa satu taraf kehidupan yang dianggap wajar, manusia mungkin berhadapan dengan kesukaran untuk menyesuaikan diri dengan kehidupan bermasyarakat. Selain itu, ia boleh menjelaskan matlamat sebenar tujuan penciptaannya, iaitu untuk menjadi khalifah yang mentaati perintah Allah SWT.

PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini diinspirasikan daripada artikel bertajuk “Gaji Kehidupan Wajar: Bukan Sekadar Menampung Keperluan Asas” dalam Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia (BNM) 2017. Artikel tersebut menyentuh tentang konsep gaji kehidupan wajar, iaitu tahap kehidupan wajar

yang diterima oleh masyarakat setempat berdasarkan beberapa komponen semasa di kawasan Kuala Lumpur. Konsep kehidupan wajar yang dicadangkan oleh BNM ini berdasarkan kerangka pandangan lazim dan tidak mengambil kira pandangan Islam sebagai input sandaran bagi idea yang diketengahkan. Oleh sebab konsep kehidupan menurut pandangan Islam berbeza daripada kerangka Barat, maka kajian ini cuba menganalisis konsep kehidupan wajar ini dari sudut pandang yang berasaskan al-Quran serta al-Sunnah.

OBJEKTIF

Kajian ini bertujuan menganalisis konsep kehidupan wajar dalam Islam. Sehubungan dengan hal itu, kajian ini turut mengenal pasti komponen yang dianjurkan oleh agama yang perlu diambil kira oleh individu Muslim dalam menjalani kehidupan di dunia ini. Hal ini bertujuan mencadangkan konsep kehidupan wajar yang selaras dengan pandangan Islam.

KAJIAN LITERATUR

Konsep Kehidupan Wajar

Secara amnya, manusia memerlukan pelbagai perkara yang membolehkannya menjalani kehidupan yang berkualiti di dunia ini. Keperluan ini pula berbeza-beza dan ia bergantung pada status kehidupan individu terbabit. Walau bagaimanapun bagi menggambarkan tahap kehidupan wajar yang boleh diterima pakai secara umum, pihak pembuat polisi lazimnya akan mengetengahkan konsep, model atau kerangka yang boleh dirujuk sebagai petunjuk bahawa masyarakat di sesebuah kawasan atau negara tersebut menjalani kehidupan yang bersesuaian dengan maruah dan fitrah insani.

Menurut Human Development Report 1993 (Roa dan Min, 2018), taraf hidup yang baik merupakan satu keupayaan menjalani kehidupan yang sihat, jaminan mobiliti fizikal dan sosial, komunikasi dan penyertaan dalam kehidupan masyarakat. Berdasarkan definisi tersebut, Rao dan Min (2018) menyimpulkan bahawa taraf hidup yang baik ialah keadaan material yang seharusnya dimiliki oleh setiap orang, tanpa mengira niat atau konsep mereka tentang sebuah kehidupan yang baik atau hak lain yang mungkin mereka tuntut.

BNM pula menyebut bahawa “taraf kehidupan minimum” hendaklah melangkaui kemampuan untuk menampung keperluan asas, seperti makanan, pakaian, dan tempat berlindung (Chong dan Adam Khong, 2017). Hal ini bermaksud, “taraf kehidupan minimum” pada masa kini tidak lagi dilihat sebagai tahap sekadar meneruskan kelangsungan hidup pada tingkat yang paling rendah.

Taraf hidup yang dimaksudkan BNM ini juga merangkumi keupayaan melakukan kegiatan sosial seperti untuk berinteraksi dalam masyarakat secara bermakna, peluang untuk pembangunan diri dan keluarga di samping kebebasan daripada tekanan kewangan. Selain itu juga, BNM menekankan kepentingan bagi masyarakat untuk memahami bahawa konsep “taraf kehidupan minimum” ini mencerminkan keperluan dan bukannya kemahuan (Chong dan Adam Khong, 2017).

Pendapatan yang baik menjadi salah satu elemen atau komponen utama untuk mencapai satu kehidupan yang wajar. Walau bagaimanapun, taraf hidup yang baik bukanlah semata-mata

boleh diperolehi melalui sumber gaji sahaja. Oleh itu, BNM mencadangkan satu tingkat gaji yang disebut sebagai ‘gaji kehidupan wajar’ sebagai penanda aras untuk mencapai taraf kehidupan minimum. Menurut BNM, ‘gaji kehidupan wajar’ ialah “*istilah yang digunakan dalam penggajian untuk menerangkan tahap pendapatan yang diperlukan oleh isi rumah agar mampu memperoleh taraf hidup minimum yang boleh diterima. Taraf hidup ini boleh dicapai melalui pelbagai sumber pendapatan selain gaji, seperti manfaat kerja bukan gaji dan bantuan sosial.*” (Chong dan Adam Khong, 2017).

Dalam erti kata lain, manfaat bukan dalam bentuk wang seperti perkhidmatan sukarela daripada pihak lain (dinali dalam wang) juga menjadi sebahagian kiraan gaji kehidupan wajar ini. Anggaran perbelanjaan yang dimasukkan dalam cadangan gaji kehidupan wajar BNM ini meliputi komponen seperti:

1. tempat tinggal
2. kenderaan/ akses pengangkutan awam
3. kos penjagaan anak-anak
4. makan minum
5. keperluan rekreasi

Pada 5 Oktober 2019, Malaysia telah melancarkan satu kerangka kerja tentang Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) yang menyasarkan agar semua rakyat Malaysia mencapai taraf hidup yang wajar (*decent standard of living*) menjelang 2030. Matlamat ini bertujuan menyelaras pembangunan kepada semua, menangani jurang kekayaan dan pendapatan serta membina negara bersatu, makmur dan bermaruah (Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, 2019). Aspirasi ini kemudiannya diteguhkan dengan matlamat WKB 2030 yang menjadi sebahagian hala tuju Rancangan Malaysia Kedua Belas (Unit Perancang Ekonomi, 2021).

Berdasarkan WKB 2030, taraf hidup yang wajar ditakrifkan sebagai rangkuman tiga elemen utama dalam kehidupan rakyat, iaitu pertama, kewangan yang mencukupi bagi memenuhi keperluan asas; kedua, kemampuan untuk menyertai aktiviti komuniti, kekeluargaan dan riadah sosial; ketiga, keupayaan untuk menjalani kehidupan yang bermakna dan bermaruah (Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, 2019).

Terdapat beberapa pengkaji yang cuba meneroka konsep kehidupan wajar dan juga konsep yang hampir dengannya seperti kesejahteraan keluarga dalam Islam. Syed Bidin, Alqodsi dan Syed Bidin (2008) sebagai contoh, menyenaraikan empat perkara utama yang terkandung dalam al-Quran dan al-Sunnah dalam menentukan kehidupan taraf kehidupan yang baik (kehidupan yang wajar) bagi manusia. Pertama ialah tentang keluarga. Hal ini merangkumi perundungan berkaitan dengan institusi perkahwinan dan peruntukan hak kepada anak-anak. Kedua, tempat tinggal dan pakaian serta peluang untuk mencari nafkah yang halal. Ketiga, kesihatan, iaitu yang meliputi makan dan minum, perawatan dan pencegahan serta penjagaan kesihatan kendiri seperti bersukan, rehat yang mencukupi, menjaga kebersihan diri dan lain-lain. Keempat, perlindungan termasuklah daripada bahaya akibat perbuatan diri sendiri dan penjagaan kandungan (kehamilan). Keempat-empat perkara yang dirujuk penyelidik dalam al-Quran dan al-Sunnah ini menjamin taraf kehidupan yang baik atau wajar kepada manusia (Syed Bidin, Alqodsi dan Syed Bidin, 2008).

Manakala Wan Chik et al. (2018) menjadikan hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Hibban yang berikut sebagai sandaran bagi faktor penentu kesejahteraan keluarga:

Daripada Sa‘ad bin Abi Waqqas berkata, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: “Empat perkara yang membahagiakan ialah wanita yang solehah, kediaman yang lapang, jiran yang soleh dan kenderaan yang selesa. Empat perkara yang menyeksakan pula ialah jiran yang buruk (perangainya), wanita yang buruk (perangainya), kediaman yang sempit dan tunggangan yang buruk (Riwayat Ibn Hibban, Kitab al-Nikah, Bab Zikr al-Ikhbar ‘an al-Ashya’ Allati Hiya min Sa‘adah al-Mar’iy fi al-Dunya, jil. 9, ms. 340, no. hadis 4032).

Dalam hadis ini, Nabi SAW menyebut empat unsur secara literal iaitu wanita, rumah, jiran dan kenderaan sebagai faktor penentu kepada kebahagian atau kesengsaraan kehidupan seseorang di dunia. Empat unsur ini juga sebenarnya boleh dikaitkan dengan institusi keluarga, tempat tinggal yang baik, interaksi sosial dalam masyarakat dan mobiliti yang membentuk kebahagiaan dalam kehidupan manusia.

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Syed Bidin, Alqodsi dan Syed Bidin (2008) dan Wan Chik et al. (2018), mereka hanya menyenaraikan komponen yang perlu ada bagi konsep kehidupan wajar dari pandangan Islam berdasarkan analisis yang mereka lakukan sahaja. Dalam hal ini, elemen-elemen pengukuran yang menunjukkan tahap umum bahawa sesebuah komuniti itu mencapai satu kehidupan tidak diketengahkan oleh semua pengkaji ini.

Pengukuran Taraf Kehidupan

Di Barat, elemen gaji menjadi faktor utama dalam menentu kehidupan wajar. Sebagai contoh United Kingdom telah memperkenalkan *National Living Wage* pada 2016. Pewartaan perintah ini yang hampir menyerupai perintah gaji minimum terpakai pada pekerja yang berusia 23 tahun dan ke atas pada kadar 8.91 pound sejam (GOV.UK, t.t) Walau bagaimanapun, kadar *National Living Wage* yang diwartakan tidak sama dengan *Real Living Wage* yang dikira atas kos sara hidup sebenar di negara berkenaan. *Real Living Wage* bagaimanapun tidak dikanunkan dalam undang-undang UK.

Sebaliknya, *Real Living Wage* di UK ini menjadi kempen kepada majikan untuk membayar gaji dan upah kepada pekerja mereka, terutama yang berpendapatan rendah mengikut kadar benar gaji kehidupan wajar (Living Wage Foundation, t.t). Menurut Living Wage Foundation, untuk tahun 2020/2021 kadar *Real Living Wage* di UK ialah 9.50 pound sejam dan di London ialah 10.85 pound sejam. Sehingga kini, kempen sukarela ini disertai lebih 8327 buah firma perniagaan (Living Wage Foundation, t.t).

Selain itu, Kanada juga mempromosikan pembayaran gaji mengikut kadar gaji kehidupan wajar oleh majikan. Antara lain ia disebabkan pendapatan itu dilihat membolehkan keluarga dapat menampung kos-kos kehidupan yang wajar, menyokong pembangunan kanak-kanak dengan lebih sihat dan memastikan isi rumah tidak terbelenggu dengan tekanan kewangan yang melampau (Living Wage Canada, t.t).

Kajian Living Wage Calculator oleh Glasmeier (2017) dari MIT, Amerika Syarikat pula menghitung kadar gaji kehidupan wajar dengan memasukkan elemen utama seperti belanja perumahan dan kos penjagaan anak-anak. Nadeau (2021) dalam nota teknikal yang membentuk Living Wage Calculator ini juga menyebut bahawa dalam merangka nilai ambang kemiskinan, pemerintah tidak mengambil kira kos berkaitan dengan penjagaan anak dan juga kos kesihatan pada peringkat persekutuan. Oleh itu, model gaji kehidupan wajar yang dikemukakan ini

dianggap sebagai perkiraan alternatif bagi keperluan asas (gaji minimum) yang ditambah baik. Ia juga tidak mengambil kira kos hiburan atau sosial yang minimum seperti makan sekali-sekala di restoran (Nadeau, 2021).

Menurut Living Wage Movement Aotearoa New Zealand, konsep gaji kehidupan wajar ialah gaji setiap jam yang perlu dibayar oleh pekerja untuk memenuhi keperluan hidup dan aktif dalam komuniti. Ia juga sebenarnya menggambarkan perbelanjaan asas pekerja dan keluarga mereka seperti makanan, pengangkutan, perumahan serta penjagaan anak dan dikira secara bebas setiap tahun oleh Unit Dasar Sosial Pusat Keluarga New Zealand. Ia juga bertujuan membolehkan pekerja untuk hidup secara bermaruah dan terlibat secara aktif dalam masyarakat (The Living Wage, t.t).

Di Malaysia, ukuran sebuah taraf hidup yang boleh diterima pada peringkat nasional diukur berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). PGK ditakrifkan sebagai “*pendapatan minimum yang diperlukan oleh sesebuah isi rumah bagi memenuhi keperluan asas makanan dan bukan makanan setiap abinya untuk membolehkan mereka hidup dalam keadaan sihat dan selesa*” (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Apabila pendapatan sesebuah isi rumah itu tidak mencapai paras PGK yang digariskan, maka isi rumah tersebut dianggap sebagai miskin. Hal ini disebabkan sumber pendapatan yang diperoleh tidak dapat memenuhi keperluan asas makanan dan bukan makanan yang ditetapkan.

Terbaru, PGK 2019 telah menambah baik kaedah pengukuran dan komponen-komponen yang diukur berbanding dengan PGK 2005. Komponen PGK ini terdiri daripada dua kategori, iaitu PGK makanan dan PGK bukan makanan. Nilai purata PGK peringkat nasional ditetapkan sebanyak RM2,208 sebulan manakala nilai purata PGK makanan ditetapkan pada RM1,038 sebulan dan diperoleh melalui penetapan kalori bagi sesebuah isi rumah. Hal ini menjadikan nilai purata bagi PGK bukan makanan ialah RM1,170 (PGK nasional – PGK makanan). Kemiskinan tegar (*hard-core poor*) berlaku apabila pendapatan isi rumah kurang daripada nilai PGK makanan. Kemiskinan mutlak pula ialah apabila pendapatan isi rumah keseluruhannya masih berada di bawah PGK nasional yang ditetapkan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020).

Selain daripada PGK 2019, di Malaysia, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) juga mempunyai kaedah pengukuran berdasarkan had kifayah masing-masing. Pengukuran had kifayah ini bertujuan mengagihkan bantuan zakat kepada golongan asnaf yang layak. Had kifayah ini juga boleh dilihat sebagai penanda aras bagi memenuhi standard tahap kehidupan wajar yang boleh diterima masyarakat setempat. Di Malaysia, terdapat 14 buah institusi zakat (ataupun pusat zakat) yang berlainan bagi mewakili 13 buah negeri dan tiga buah wilayah persekutuan (diwakili oleh satu-satu institusi zakat) bagi menguruskan agihan zakat di bawah pentadbiran MAIN masing-masing (Abdul Lateff, Palil dan Hassan, 2014).

Dalam konteks Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Bahagian Baitulmal terlibat dalam aspek pengagihan bantuan kepada masyarakat yang memerlukan (Md Saad, 2019). MAIWP telah menetapkan had kifayahnya tersendiri dan merujuknya sebagai “*suatu kadar keperluan asas minimum yang ditetapkan berdasarkan kos sara hidup semasa. Had ini juga digunakan bagi mengetahui berapakah kadar yang perlu dibantu untuk menepati kecukupan perbelanjaan asasi*” (Md Saad, 2019).

Kata kunci dalam definisi ini ialah penetapan berdasarkan kos sara hidup semasa yang menjadikan nilai pengukurnya bersifat anjal. Perkara asas yang mendasari agihan bantuan zakat oleh Baitulmal MAIWP ini mengandungi enam dimensi, iaitu perlindungan, makanan, pakaian,

perubatan, pendidikan dan pengangkutan. Had kifayah bagi penerima zakat MAIWP bergantung pada bilangan isi rumah serta berbeza-beza dan jumlahnya berdasarkan Jadual 1 yang berikut:

Jadual 1: Kategori Had Kifayah

Bil.	Kategori	Kadar (RM)
1.	Ketua Keluarga (Rumah Sewa)	1,000.00
2.	Ketua Keluarga (Rumah Sendiri)	550.00
3.	Dewasa Bekerja (Isteri)	280.00
4.	Dewasa Tidak Bersekolah (18 tahun ke atas)	210.00
5.	Remaja Bersekolah (13-17 tahun)	270.00
6.	Kanak-kanak Pra Sekolah (7-12 tahun)	240.00
7.	Kanak-kanak Pra Sekolah (5-6 tahun)	220.00
8.	Kanak-kanak Tidak Bersekolah	200.00

Sumber: MAIWP

Dalam konteks had kifayah yang digunakan oleh Lembaga Zakat Kedah (LZK) pula, ia didefinisikan sebagai “*had kifayah penerima zakat adalah satu kaedah pengiraan dan pengukuran untuk menentukan seseorang itu termasuk dalam golongan asnaf fakir dan juga miskin. Dalam erti kata lainnya, ianya sebagai Penentu Garis Kemiskinan*” (A. Majid, 2021). Penilaian yang dibuat dalam menentukan Had Kifayah ini merangkumi enam aspek keperluan asas kehidupan, sama seperti yang ditetapkan oleh Baitulmal MAIWP.

Kelulusan bantuan zakat ini juga mengambil kira kedudukan kewangan semasa kutipan zakat di LZK. Sebelum ini, penentuan had kifayah di Kedah bergantung pada penilaian Pegawai Zakat (Penolong Amil) yang dilantik. Walau bagaimanapun, bermula 2019, LZK telah menggunakan definisi had kifayah Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIAMP) dalam operasinya. Hal demikian kerana struktur sosioekonomi dan penduduk kedua negeri ini yang hampir sama (A. Majid, 2021).

Pada ketika ini, hanya asnaf fakir dan miskin yang menerima bantuan secara bulanan yang tertakluk pada penentuan berdasarkan had kifayah yang ditetapkan oleh LZK. Asnaf yang layak berdasarkan penentuan had kifayah secara bulanan ini akan menerima bantuan bulanan bermula daripada serendah RM200.00 hingga maksimum RM500.00 sebulan. Sementara itu, agihan seperti bantuan rumah atau pembaikan rumah dan jaya diri (bantuan perniagaan) bergantung pada penilaian oleh Pegawai Zakat yang menyiasat dan tertakluk pada pendapatan isi rumah yang tidak melebihi PGK bagi Negeri Kedah, iaitu RM2254.00 (A. Majid, 2021; Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019).

METODOLOGI

Penyelidikan ini merupakan kajian kualitatif yang meneroka tahap hidup yang wajar menurut pandangan Islam berdasarkan analisis dan input semasa serta kajian yang dilakukan kumpulan penyelidik sebelum ini. Penyelidikan ini dijalankan menerusi kaedah menganalisis dokumen dan temubual separa berstruktur. Analisis dokumen merupakan satu prosedur menyemak dan menilai dokumen baik yang bercetak mahupun yang berbentuk elektronik. Tujuannya adalah melihat perspektif, tafsiran dan penilaian tentang topik khusus yang dikaji oleh

penulis-penulis yang berkaitan dalam karya mereka dan seterusnya membina pandangan tentang topik tersebut (Germann Community College, 2009; Pacific Luthern University, t.t). Bagi kajian ini, fokus analisis dokumen tertumpu kepada bahan-bahan yang diterbitkan oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Ekonomi Malaysia, Bank Negara Malaysia (BNM), Jabatan Perangkaan Malaysia, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Lembaga Zakat Kedah (LZK). Selain itu, untuk menambah nilai kajian, penyelidik juga meneroka pandangan tiga orang pakar bidang. Mereka terdiri daripada tiga orang ilmuwan dan pakar dalam bidang fiqh muamalah, syariah, ekonomi dan pihak industri iaitu Mahmood Zuhdi Abdul Majid (Profesor Emeritus, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya); Mohd. Nahar bin Mohd. Arshad (Profesor Madya, Fakulti Ekonomi dan Sains Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia); dan Abdul Hadi bin Abdul Majid (Ketua Bahagian Agihan, Lembaga Zakat Kedah). Soalan temu bual sebanyak enam hingga lapan berbentuk separa berstruktur digunakan kerana dilihat sesuai bagi soalan-soalan berbentuk terbuka (Adams, 2015). Terdapat dua soalan yang mempunyai tema yang sama ditanya kepada ketiga-tiga pakar bidang: pertama, berkaitan kehidupan wajar, dan; kedua berkaitan dengan pandemik COVID-19. Kaedah temu bual pakar bidang ini juga dijalankan bagi mendapatkan maklum balas yang mendalam tentang topik yang dibincangkan (Mat Saat, 2021). Bagaimanapun, tidak semua dapatan temu bual digunakan kerana tidak termasuk dalam tema perbincangan. Dalam kajian ini, tema analisis yang dikaji adalah tentang komponen kehidupan wajar dalam perspektif Islam termasuklah takrifannya yang dilihat dalam konteks Malaysia.

ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN

Ringkasan takrifan dan komponen yang diambil kira dalam lima rujukan utama:

Jadual 2: Ringkasan Takrifan dan Komponen Kehidupan Wajar

WKB (2019)	2030	BNM (2017)	PGK 2019	HAD KIFAYAH MAIWP	HAD KIFAYAH LZK
1. Kewangan yang memenuhi keperluan asas 2. Interaksi sosial 3. Kehidupan yang bermakna dan bermaruah	1. Tempat tinggal yang sesuai 2. Kenderaan/ akses pengangkutan awam 3. Kos penjagaan anak 4. Makan di luar sekali sekala 5. Rekreasi	1. PGK Makanan (berdasarkan kiraan kalori yang diperlukan) 2. PGK Bukan Makanan (merangkumi pakaian, tempat tinggal, akses pengangkutan, utiliti)	6 dimensi utama, iaitu perlindungan (tempat tinggal), makanan, pakaian, perubatan, pendidikan pengangkutan.	6 dimensi utama, iaitu perlindungan (tempat tinggal), makanan, pakaian, perubatan, pendidikan pengangkutan.	

Sumber: WKB 2030, BNM, Jabatan Perangkaan Malaysia, MAIWP dan LZK.

Perbandingan komponen dalam kelima-lima takrifan dan komponen penanda aras ini bagaimanapun kurang sesuai dilakukan secara literal. Hal demikian kerana komponen dalam BNM misalnya berkaitan dengan pengiraan tangga gaji kehidupan wajar. Manakala takrifan dalam

dokumen WKB 2030 pula sekalipun ada menyentuh tentang kehidupan bermakna dan bermaruah, ia dilihat tidak meletakkan prinsip-prinsip utama Islam sebagai sebahagian takrifan. Contohnya, prinsip memelihara *maqāṣid al-shari‘ah* berkaitan keturunan—dalam erti kata lain, pengukuhan institusi kekeluargaan. Di Malaysia misalnya, perundangan keluarga Islam dan bukan Islam adalah berbeza. Dalam aspek kebebasan kewangan pula, ada perbezaan prinsip kewangan konvensional dengan Islami. Selain itu, dokumen WKB 2030 adalah sebagai satu rujukan kebangsaan yang merentasi kaum dan agama dan demikian itu takrifannya lebih terbuka dan mengikat agensi-agensi kerajaan yang pelbagai mengikut terma masing-masing. Dalam masa yang sama, takrifan-takrifan ini juga tidaklah dikatakan bercanggah dengan prinsip-prinsip Islam sepenuhnya sehingga tidak dapat diikuti. Oleh itu, secara umumnya dokumen-dokumen ini boleh ditekuni bagi mendapatkan satu takrifan tentang kehidupan wajar dalam perspektif Islam.

Mengupas tentang gaji kehidupan wajar dalam Islam, Mohd. Arshad (2019) menyenaraikan tiga komponen utama yang perlu ada dalam perkiraannya, iaitu agama, sosiobudaya dan pasaran. Dalam konteks pasaran, upah yang ditentukan oleh pasaran lazimnya adalah rendah sehingga pemerintah perlu memperkenalkan gaji minimum. Secara teorinya, gaji kehidupan wajar adalah lebih tinggi daripada gaji minimum dan didambakan pekerja. Walau bagaimanapun, sekiranya majikan diwajibkan untuk membayar gaji mengikut tingkat gaji kehidupan wajar, permintaan kepada pekerja mungkin berkurangan. Namun demikian, terdapat perbincangan tentang gaji kehidupan wajar dalam terma berbeza seperti upah yang layak (*fair wage*), upah yang baik (*decent wage*), upah subsisten, taraf hidup standard dan lain-lain yang menunjukkan konsep gaji kehidupan wajar ini sebenarnya berada dalam radar pasaran buruh.

Komponen agama pula adalah dengan melihat dari sudut *maqāṣid al-shari‘ah*, iaitu memenuhi *darūriyyat* dan mencapai tahap minimum *ḥajīyyat* dalam menentukan kadar gaji kehidupan wajar. Walau bagaimanapun menurut Mohd. Arshad (2019), perbincangan yang lebih teliti seperti data yang lebih banyak dan meluas diperlukan dalam menentukan perkara yang disifatkan sebagai *darūriyyat* dan minimum *ḥajīyyat*. Dalam hal ini, Abdul Majid (2021) pula berpandangan, setiap individu mempunyai tahap *darūriyyat*, *ḥajīyyat* dan *tahsiniyah* yang tersendiri. Sebagai contoh, golongan berkemampuan mempunyai kenderaan (satu keperluan yang *darūriyyat*) yang baik (*ḥajīyyat/tahsiniyat*), manakala golongan miskin sekurang-kurangnya mempunyai akses (keperluan *darūriyyat*) kepada pengangkutan awam yang baik (*ḥajīyyat/tahsiniyat*).

Dalam konteks sosiobudaya, Mohd. Arshad (2019) menjelaskan keperluan untuk mengambil kira kawasan dan keadaan semasa kehidupan di bandar (Kuala Lumpur) dalam mencadangkan nilai gaji kehidupan wajar seperti yuran penjagaan anak, kos pengangkutan bagi pasangan yang mempunyai anak, kos makan di luar bagi bujang dan berkeluarga.

Abdul Majid (2021) berpendapat bahawa dalam Islam, konsep kehidupan wajar ini tiada nilai kuantitatif. Secara umumnya, beliau menyatakan bahawa Islam membahagikan status masyarakat kepada tiga segmen, iaitu kaya, miskin dan fakir. Sebahagian ulama pula membahagikannya kepada dua bahagian sahaja, iaitu kaya dan miskin (miskin disamakan dengan fakir). Oleh sebab tiada nilai kuantitatif, sesbuah kehidupan yang wajar sepertutnya tidak melihat kepada aspek material sahaja. Hal demikian kerana, orang yang boros akan sentiasa berasa tidak cukup dengan apa yang ada dalam hidupnya.

Oleh itu, Abdul Majid (2021) menegaskan bahawa Islam mentafsirkan kehidupan wajar sebagai sesuatu yang bersifat kualitatif. Secara teorinya, Abdul Majid (2021) menyatakan bahawa orang yang dianggap hidup dalam tahap kehidupan wajar ialah orang yang diwajibkan untuk

membayar zakat, iaitu sudah melepas had kifayah. Walau bagaimanapun, sebagaimana berdasarkan pengiraan Had Kifayah MAIWP, sekalipun seseorang tidak dikategorikan sebagai miskin atau fakir berdasarkan kiraan kalkulator had kifayah, namun; ia masih lagi boleh menerima bantuan zakat dalam kategori lain sekiranya layak. Hal ini menunjukkan bahawa had kifayah sememangnya menjadi ukuran bagi satu taraf hidup yang wajar. Namun, pada masa yang sama, ia bersifat dinamik dan bergantung pada keadaan semasa.


Abdul Majid (2021) juga menegaskan kepentingan untuk melihat had kifayah dalam konteks pengukuran tahap kehidupan. Had kifayah ini juga seharusnya ditentukan berdasarkan urut masyarakat. Kadar had kifayah ini juga boleh meningkat atau merosot menurut keadaan ekonomi negara dan berbeza-beza antara kawasan bandar dengan desa. Dalam konteks agihan bantuan zakat, kedua-dua agensi zakat Baitulmal, MAIWP dan LZK meletakkan enam aras penanda aras had kifayah yang sama. Namun, faktor lain seperti hasil kutipan zakat yang berbeza menyebabkan LZK misalnya, perlu melaksanakan agihan zakat mengikut had kifayah secara pentadbiran berbanding dengan panduan yang asal.

Cadangan Takrifan Kehidupan Wajar Menurut Perspektif Islam

Berdasarkan perbincangan ini, takrifan kehidupan wajar dalam perspektif Islam hendaklah merangkumi unsur seperti yang berikut:

1. Mempunyai pendapatan sama ada hasil bekerja atau bantuan sosial—juga merujuk peluang pekerjaan yang ada dan sesuai.
2. Perlindungan yakni tempat tinggal yang sesuai, makan dan minum, pakaian, akses kesihatan, jaminan keselamatan serta pendidikan.
3. Keutuhan institusi keluarga termasuklah dalam konteks penguatkuasaan aspek perundangan keluarga dan juga kos penjagaan anak-anak, warga emas dan individu kurang upaya.
4. Peluang berinteraksi dalam masyarakat termasuklah hak untuk dihormati dan menjalani kehidupan secara bermaruah.
5. Akses kepada institusi kewangan dan kewangan sosial Islam (Rangkuman Kewangan Islam)
6. Pengisian rohani dan rekreasi

Rajah 1: Komponen Takrifan Kehidupan Wajar Menurut Perspektif Islam



Sumber: Ilustrasi pengarang

Pendapatan

Pendapatan turut merangkumi gaji atau upah yang setara dengan pekerjaan yang dilakukan. Dengan kata-kata lain, ia tidak semestinya tertumpu pada pembayaran gaji berdasarkan ‘gaji kehidupan wajar’ oleh majikan semata-mata. Menurut Mohd. Arshad (2021), pada masa kini, cadangan tentang gaji kehidupan wajar adalah bagus. Namun, yang lebih penting adalah bagaimana mengutamakan aspek penggunaan berdasarkan pendapatan yang ada. Pekerja pengguna (*consumer worker*) diperlukan untuk memacu negara. Lebihan pendapatan mereka selepas memenuhi keperluan utama membolehkan pekerja ini mencapai manfaat yang diingini dan sekali gus menghasilkan peningkatan taraf hidup. Sekiranya pekerja hanya mendapat gaji untuk memenuhi keperluan hidup, ekonomi tidak dapat bergerak ke hadapan dan terhenti setakat memenuhi keperluan asas sahaja (Mohd. Arshad, 2021). Selain itu, peluang pekerjaan yang sesuai perlu diperbanyak. Malaysia menzahirkan minat kepada lebih banyak pekerja berkemahiran tinggi. Namun, realitinya, sebahagian firma masih tidak berminat untuk menukar model perniagaan mereka daripada buruh kemahiran rendah kepada penggunaan teknologi atau buruh berkemahiran tinggi (Ang, Murugasu dan Chai, 2017).

Perlindungan

Pada tahap ini, hampir kesemua sub-komponen di bawah perlindungan dapat diakses oleh masyarakat Malaysia. Sektor kesihatan, pendidikan dan keselamatan disediakan (oleh kerajaan) secara hampir percuma pada tahap tertentu. Sementara itu, tempat tinggal, makanan dan pakaian sememangnya menjadi keutamaan dalam konteks agihan bantuan kepada mereka yang memerlukan. Perkara ini misalnya boleh dilihat dalam dimensi had kifayah Baitulmal MAIWP dan LZK. Bantuan yang disediakan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kepada golongan yang memerlukan pula meletakkan objektif memenuhi keperluan asas, menyediakan alat bantuan sosial sehingga penerima mampu berdikari, alat pemulihan supaya penerima kekal tinggal dalam masyarakat dan sumber kewangan sementara agar penerima dapat meneruskan kelangsungan hidup (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2021).

Institusi Keluarga

Pembinaan dan kelestarian institusi keluarga amat penting dalam Islam. Manusia diciptakan secara berpasangan untuk hidup dalam keadaan berkasih sayang serta aman (Al-Rum, 30:21) dan seterusnya membina keluarga. Dalam hidup berkeluarga, seorang bapa bertanggungjawab ke atas nafkah isteri dan anak-anaknya (Al-Baqarah, 2:233; Al-Nisa', 4:34). Penunaian tanggungjawab ini memberikan peluang kepada anak-anak untuk menjalani kehidupan yang baik dengan diberikan asas kehidupan yang sepatutnya. Kepincangan dalam tanggungjawab ini boleh merencatkan proses kemenjadian diri anak-anak baik dari sudut pencapaian material (makan dan minum, tempat tinggal, pakaian dan lain-lain) mahupun juga dari sudut rohani—yakni kehilangan tunjang keluarga. Walaupun pada hari ini, telah ada sistem perundangan yang bertujuan melindungi keutuhan institusi keluarga, namun aspek kawal selia dan penguatkuasaan perlu dipertingkat. Hal ini dapat mengurangkan malah membasmi kes anak-anak dibiarkan tanpa memperoleh nafkah, pasangan yang digantung tidak bertali, keganasan rumah tangga dan lain-lain. Selain itu, keutuhan institusi keluarga dapat dikekalkan dengan kesemua pihak memainkan peranan masing-masing dalam masyarakat dengan berkesan. Sebagai contoh, kemudahan dan kos berkaitan dengan penjagaan anak dan tanggungan ahli keluarga seperti orang tua serta individu kurang upaya amat penting untuk diteliti dan diberikan perhatian oleh semua pihak termasuk majikan, pengendali pusat jagaan serta agensi berkaitan dalam usaha untuk mencapai kehidupan yang wajar bagi setiap individu.

Peluang Berinteraksi

Semua individu berhak dilayan secara adil dan saksama meskipun memiliki latar belakang yang berbeza, khususnya status ekonomi mereka. Allah SWT berfirman dalam al-Quran yang bermaksud, “Wahai manusia sesungguhnya Kami ciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku untuk saling kenal-mengenal, sesungguhnya yang paling mulia di antara kamu adalah orang-orang yang bertakwa (Al-Hujurat, 49:13).”

Perkara ini turut ditegaskan oleh Nabi Muhamad SAW:

Wahai manusia! Sesungguhnya tuhan kamu sama, bapa kamu sama (Adam).
Ketahuilah! Tiada kelebihan orang Arab ke atas ‘ajam (yang bukan Arab), atau
‘ajam ke atas Arab, atau yang berkulit merah ke atas yang berkulit hitam, atau
yang berkulit hitam ke atas yang berkulit merah melainkan ketakwaan.

Apabila semua pihak dalam masyarakat mempunyai peluang untuk berinteraksi, maka mereka akan saling mengenali dan seterusnya kasih sayang dan perpaduan sesama mereka akan terjalin.

Apa yang jelas, usaha pembangunan akan menjadi mudah jika sesebuah masyarakat diikat dengan unsur kesatuan dan perpaduan. Kesatuan ini akan bertambah kukuh jika mereka bergabung atas dasar saling percaya-mempercayai dengan kumpulan masyarakat yang lain. Melalui kesatuan yang ditunjukkan oleh rakyat, semangat untuk bekerjasama akan berhasil dan seterusnya, ia membantu untuk mempercepatkan usaha pihak pentadbir menyalurkan kebaikan dan kemakmuran kepada setiap ahli masyarakat (Muhammad Hisyam, 2014).

Akses kepada Institusi Kewangan dan Kewangan Sosial Islam (Rangkuman Kewangan Islam)

Rangkuman kewangan merujuk pendekatan sistem kewangan yang inklusif yang memberikan peluang yang adil kepada semua pihak yang berkepentingan, terutama mereka yang miskin dan terpinggir untuk mendapatkan capaian kepada sistem kewangan pada kos yang munasabah (Mohamad, 2018). Ketiadaan akses yang sempurna kepada sistem kewangan yang bersifat holistik merupakan antara faktor utama yang menyumbang kegagalan manusia untuk memitigasi risiko kehidupan. Antaranya termasuklah masalah kemiskinan, penyakit, kecinciran pendidikan dan sebagainya. Kesan capaian kepada perkhidmatan kewangan ini dapat dilihat menerusi peluang setiap ahli masyarakat untuk membangunkan keupayaan diri masing-masing dan bergerak seiring dengan anggota masyarakat yang kemampuan.

Selain rangkuman kewangan, fungsi kewangan sosial Islam juga dilihat penting dalam menyediakan sumber pembiayaan kepada golongan miskin dan mereka yang kurang berkemampuan untuk keluar daripada cengkaman kemiskinan dan cabaran sosioekonomi seperti pendidikan, pengangguran, kekurangan zat dan sebagainya [Islamic Research and Training Institute (IRTI), 2020]. Menurut IRTI (2020), kewangan sosial Islam ini secara umumnya merujuk institusi tradisional Islam yang berasaskan filantropi seperti-zakat, sedekah, wakaf dan juga instrumen yang berasaskan konsep kerjasama (*taawun*) seperti *qard hasan* (pinjaman tanpa keuntungan) dan juga *kafalah* (takaful). Oleh yang demikian, menerusi kewangan sosial Islam, selain dibantu dari segi pendanaan golongan fakir miskin juga dibantu dari segi keperluan tempat tinggal, makanan, kemudahan kesihatan dan pendidikan. Hal ini dapat memastikan bahawa mereka dapat menjalani kehidupan yang bermaruah seperti anggota masyarakat lain yang berkemampuan dan bernasib baik.

Pengisian Rohani dan Rekreasi

Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, kehidupan ini merupakan satu perjalanan. Perjalanan tersebut pula memerlukan insan menyediakan bekalan yang mencukupi. Al-Quran juga menyatakan bahawa sebaik-baik bekalan ialah ketakwaan (Al-Baqarah, 2:97), iaitu ilmu dan amal. Dengan kata-kata lain, hanya dengan ilmu dan amal, ketakwaan dan keredaan Allah SWT dapat dicapai (Ahmad, 2019). Insan beriman dididik supaya menjalani kehidupan di dunia dengan memberikan pertimbangan utama pada kehidupan akhirat. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Ketahuilah bahawa (yang dikatakan) kehidupan dunia itu tidak lain hanyalah (bawaan hidup yang berupa semata-mata) permainan dan hiburan (yang melalaikan) serta perhiasan (yang mengurang), juga (bawaan hidup yang bertujuan) bermegah-megah antara kamu (dengan kelebihan, kekuatan dan bangsa keturunan) serta berlumba-lumba membanyakkan harta benda dan anak pinak; (semuanya itu terhad waktunya) samalah seperti hujan yang (menumbuhkan tanaman yang menghijau subur) menjadikan penanamnya suka dan tertarik hati kepada kesuburnya, kemudian tanaman itu bergerak segar (ke suatu masa yang tertentu), selepas itu kamu melihatnya berupa kuning; akhirnya ia menjadi hancur bersepai; dan (hendaklah diketahui lagi, bahawa) di akhirat ada azab yang berat (disediakan bagi golongan yang hanya

mengutamakan kehidupan dunia itu), dan (ada pula) keampunan besar serta keredaan daripada Allah (disediakan bagi orang yang mengutamakan akhirat). Dan (ingatlah, bahawa) kehidupan dunia ini tidak lain hanyalah kesenangan bagi orang yang terpedaya. (Al-Hadid, 57:20).

Selain itu, bagi membolehkan manusia menjalani kehidupan yang seimbang dan baik dari segi pengisian duniawi dan ukhrawi, mereka juga memerlukan kepada aspek kesihatan mental yang baik dan penjagaan tubuh badan. Dalam hal ini, contoh yang terbaik yang boleh ditampilkan ialah Baginda Nabi SAW. Menurut Wazir (2020), Rasulullah SAW merupakan seorang yang paling sihat fizikal dan kuat mentalnya. Berdasarkan analisis beliau, kekuatan fizikal dan mental boleh dicapai dengan menumpukan kepada lima aspek utama, iaitu (1) pengabdian kepada Allah SWT, (2) pengisian minda dengan pengetahuan, (3) amalan riadah, (4) amalan pemakanan yang sihat, dan (5) gaya hidup sihat. Ringkasnya, unsur rohani dan rekreasi, iaitu perkara yang boleh membantu aspek kesihatan dalam dan luaran merupakan keperluan yang boleh membantu manusia untuk menjalani kehidupan yang bermakna di muka bumi ini.

KESIMPULAN

Allah SWT telah menciptakan segala sesuatu bagi memenuhi keperluan manusia. Oleh yang demikian, manusia harus bersyukur, beribadah dan mentaati Allah dengan penuh tanggungjawab. Hal ini selaras dengan firman Allah SWT di dalam Surah al-Zaariyat, ayat ke 56 yang bermaksud, “Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.” Manusia juga dipikulkan amanah sebagai khalifah Allah di muka bumi. Tanggungjawab ini memerlukan manusia berusaha memakmurkan bumi dan mengekalkan sumbernya bagi memelihara kelangsungan dan kemajuan kehidupan. Dalam hubungan ini, manusia diharap dapat hidup secara aman dan harmoni dan mengendalikan segala urusan dengan baik. Pada hakikatnya, ia bukanlah tugas yang mudah dan memerlukan hikmah, kebijaksanaan dan iltizam yang hanya dikurniakan kepada manusia. Berdasarkan hal ini, kita tidak boleh membiarkan mana-mana individu untuk hidup dalam keadaan yang tidak mencapai tahap yang boleh diterima.

Umumnya, konsep kehidupan wajar menurut perspektif Islam, bersifat dinamik dan tidak semuanya sesuai dinilaikan dengan mata wang. Komponen-komponen itu juga perlu berubah mengikut keadaan ekonomi dan keperluan semasa, tidak rigid dan terbuka kepada penambahbaikan.

Walau bagaimanapun, dalam hal ini penyelidik berpandangan usaha untuk meletakkan nilai kuantitatif dalam membentuk penanda aras bagi kehidupan wajar dalam Islam merupakan langkah proaktif. Walau bagaimanapun, keutamaan dalam mencapai kehidupan wajar menurut perspektif Islam adalah kekal, iaitu dengan memastikan setiap individu mendapat akses kepada enam komponen utama yang dicadangkan. Hal demikian kerana pada ketika ini, agensi yang terlibat seperti badan zakat, JKM dan lain-lain telah pun meletakkan paras atau had kelayakan berdasarkan kriteria masing-masing. Sudah pasti, dengan adanya nilai kuantitatif bagi penanda aras kehidupan wajar secara keseluruhannya, ia akan membuka lebih banyak ruang pengukuran dan penyelidikan untuk meningkatkan taraf kehidupan manusia.

RUJUKAN

- A. Majid, A. H. (Ketua Bahagian Agihan, Lembaga Zakat Kedah), dalam temubual dengan penulis pada 6 April 2021.
- Abdul Lateff, E. E., Palil, M. R. & Hassan, M. S. (2014). Prestasi Kecekapan Agihan Kewangan dan Bukan Kewangan di Kalangan Institusi Zakat di Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 42(8), 51-60.
- Abdul Majid, M. Z. (Profesor Emeritus, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya), dalam temubual dengan penulis pada 23 April 2021.
- Academic Center for Excellence. Writing a Literary Analysis Paper. Laman sesawang Germanna Community College, dicapai 13 September 2021, <https://www.germannna.edu/wp-content/uploads/tutoring/handouts/Literary-Analysis.pdf>.
- Adams, William. (2015). Conducting Semi-Structured Interviews. 10.1002/9781119171386.ch19.
- Ahmad, M. A. (2019). Maqasid al-Quran, dalam Mohd Shahran, M. F. & Majid, W. R. (Penyunting). *Al-Quran dan Peradaban*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia. 9-32.
- Ang, J. W., Murugasu, A. & Chai, Y. W. (2017). Kesan Herotan Pekerja Asing Berkemahiran Rendah terhadap Ekonomi. dalam Bank Negara Malaysia. *Laporan Tabunan Bank Negara Malaysia 2017*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia. 40-41.
- Chong, E. & Adam Khong, F. (2017). Gaji Kehidupan Wajar: Bukan Sekadar Menampung Keperluan Asas dalam Bank Negara Malaysia. *Laporan Tabunan Bank Negara Malaysia 2017*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia. 98-108.
- Glasmeier, A. K. (2017). Living Wage Rate Tied to the Cost of Housing and Child Care. Laman sesawang Massachusetts Institute of Technology. Dicapai 6 September 2021, <http://livingwage.mit.edu/articles/24-living-wage-rate-tied-to-the-cost-of-housing-and-child->.
- GOV.UK. National Minimum Wage and National Living Wage rates. Laman sesawang GOV.UK. Dicapai 20 Ogos 2021, <https://www.gov.uk/national-minimum-wage-rates>.
- Hashim, Z. (2018). Takwa Jadi Ukuran Kemuliaan. Laman sesawang Berita Harian (23 November 2018). Dicapai 1 Oktober 2021, <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2018/11/501167/takwa-jadi-ukuran-kemuliaan>.
- Islamic Research and Training Institute (IRTI). *Islamic Social Finance Report 2020*. Jeddah: Islamic Development Bank.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Skim Bantuan Kebajikan: Objektif Pemberian Bantuan. Laman sesawang Jabatan Kebajikan Masyarakat. Dicapai 30 September 2021,

<https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/full&id=NzFHMnJLSWxoQytM3RscmUvMVdWZz09>.

Jabatan Perangkaan Malaysia (2020). *Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2019*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi Malaysia (2019). *Warisan Kemakmuran Bersama*. Putrajaya: Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.

Living Wage Canada. Canadian Living Wage Framework: A National Methodology for Calculating the Living Wage in Your Community. Laman sesawang The Living Wage Canada. Dicapai 5 Oktober 2021, <http://www.livingwagecanada.ca/index.php/about-living-wage/what/>.

Living Wage Foundation. Accredited Living Wage Employers. Laman sesawang Living Wage Foundation. Dicapai 20 Ogos 2021, <https://www.livingwage.org.uk/accredited-living-wage-employers>.

Living Wage Foundation. What is Living Wage? Laman sesawang Living Wage Foundation. Dicapai 20 Ogos 2021 https://www.livingwage.org.uk/what-real-living-wage?gclid=Cj0KCQjwgf2IBhDkARIsAGVo0D2T4NFvT29Fh8fXmrtV8fCnF5pL1gyTTAwrCB28NClj3n4wqlzfIU8aAtxeEALw_wcB

Living Wage NZ. What is the Living Wage. Laman sesawang Living Wage. Dicapai 6 September 2021, <https://www.livingwage.org.nz/>.

Md Saad, M. F. (2019). Peranan Institusi Agama Membantu Penjagaan Informal: Pengalaman Baitulmal KL. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Persidangan Meja Bulat: Islam dan Ekonomi Prihatin pada 20 Mac 2019 bertempat di Dewan Besar, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Mohamad, M. H. (2014). IMalaysia: Bersatu dalam Kepelbagaian. dalam Mohamad, M. H. (Ed.). *Paradigma Ekonomi dan Integriti*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia. 215-218.

Mohamad, M. H. (2018). Pendekatan Holistik Rangkuman Kewangan Menurut Pandangan Islam. dalam Mohamad, M. H. (Ed.). *Rangkuman Kewangan Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia. 19-34.

Mohd Saat, R. (2021). Bengkel Metodologi Penyelidikan Kualitatif. Dianjurkan oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia pada 23-24 September 2021, secara maya melalui aplikasi *zoom*.

Mohd. Arshad, M. N. (2019). Komponen Utama Gaji Kehidupan Wajar. *TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World* 12, 2, 99–119.

Mohd. Arshad, M. N. (Profesor Madya, Fakulti Ekonomi dan Sains Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia) dalam temubual dengan penulis pada 15 Januari 2021.

Nadeau, C. A. (2021). Living Wage Calculator User's Guide / Technical Notes 2020-2021 Update. Laman sesawang Massachusetts Institute of Technology. Dicapai 6 September,

<https://livingwage.mit.edu/resources/Living-Wage-Users-Guide-Technical-Documentation-2021-05-21.pdf>

Pacific Lutheran University, Literature Analysis. Laman sesawang Pacific Lutheran University, dicapai dicapai 13 September 2021, <https://www.plu.edu/writingcenter/literature-analysis/>.

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Irsyad Al-Hadith Siri Ke-98: Dunia Adalah Ladang Bagi Akhirat, laman sesawang Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, dicapai 2 Oktober 2021, <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-al-hadith/1077-irsyad-al-hadith-siri-ke-98-dunia-adalah-ladang-bagi-akhirat>.

Rao, N.D. & Min, J. (2018). Decent Living Standards: Material Prerequisites for Human Wellbeing. *Soc Indic Res* 138, 225–244. <https://doi.org/10.1007/s11205-017-1650-0>.

Syed Bidin, S. N., Alqodsi, A. S. A. & Syed Bidin, S. N. S. (2008). The Manifestations of a Decent Life for Mankind in the Quran and Sunnah. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(10), 279–286.

Unit Perancang Ekonomi (2021). *Rancangan Malaysia Kedua Belas*. Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi.

Wan Chik, W. M. Y., Md. Ali, A. W., Jusoh, A. J. & Mohd Zabudin, A. A. (2018). Konsep Kesejahteraan Keluarga Menurut Hadis Al-Sa'adah. *Asian People Journal (APJ)*, 1(2), 92-108.

Wazir, R. (2020). Tuntutan Kesihatan Mental Menurut Maqasid Al-Sunnah. Dlm E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Isu-Isu Semasa Al-Quran Dan Hadis (THIQAH 2020). Dalam Phayilah Yama et al. (Ed.). *E-Proceeding of The 2nd International Conference On Contemporary Issues In Al-Quran And Hadith 2020 (THIQAH 2020)*. Kajang: Jabatan Al-Quran & Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 218-233.